



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 21 MEI 2010

Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa penularan jangkitan virus Influenza A(H1N1) MASIH aktif di dalam komuniti di mana laporan kejadian Kluster masih terus diterima. Penularan jangkitan ini cukup mudah berlaku di tempat tumpuan orang ramai berkumpul atau bersesak-sesak. Masyarakat digesa mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan H1N1 yang terbukti berkesan sebelum ini seperti berikut:-

1. Mereka yang mempunyai gejala *influenza like-illness* (ILI) seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan supaya TIDAK pergi ke tempat tumpuan ramai. Jika mereka yang bersimptom ini terpaksa keluar dan berhubungan dengan orang lain, mereka diminta untuk memakai penutup hidung dan mulut bagi mengelakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain.
2. Basuh tangan dengan kerap dengan menggunakan air atau *sanitiser*, terutamanya selepas batuk atau bersin.
3. Amalkan adab batuk yang baik iaitu dengan menggunakan tisu atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan jangan berkongsi sapu tangan.
4. Amalkan cara hidup sihat iaitu dengan mengambil diet yang seimbang, kerap bersenam, tidur secukupnya dan minum banyak air.
5. Elakkan pergaulan rapat dengan mereka yang mempunyai gejala ILI.

6. Mereka yang mengalami gejala ILI perlu mendapatkan rawatan segera di klinik yang berdekatan.

Mengenai aktiviti harian, sehingga jam 8:00 pagi pada 21 Mei 2010, Kementerian telah menerima sejumlah enam (6) laporan kejadian kluster ILI daripada enam (6) negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 20 Mei 2010, sejumlah 65 kes disahkan positif Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 14,614 dengan 85 kematian. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 587 kes. Daripada jumlah tersebut, 68 kes (11.6%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan kes di ICU ialah sembilan (9) kes dengan kesemuanya mempunyai faktor risiko.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan virus Influenza A(H1N1) seperti fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan kemudahan pelalian kepada kumpulan berisiko, serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 21 Mei 2010

Lampiran 1

Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness (ILI)* Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 21 Mei 2010

Bil.	Lokasi	Bil. Terdedah (orang)	Bil. Kes ILI di dalam kluster (orang)	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1.	Sekolah Kebangsaan Gaal, Gong Datok, Pasir Puteh, Kelantan	600	10	Masih menunggu keputusan	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
2	Kediaman di Felda Lui Timur, Jempol, Negeri Sembilan	12	5	Masih menunggu keputusan	Tiga kes diberi rawatan antiviral dan dua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
3	SJKC Kong Nam, Parit Raja, Batu Pahat, Johor	329	15	2 sampel positif	Kedua-dua kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral. Selebihnya diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
4	Kediaman di Kg Kilang Berapi Utara, Merlimau, Melaka	7	2	1 sampel positif	Kedua-dua kes diberi rawatan antiviral. Satu kes dimasukkan ke wad dan seorang lagi dirawat sebagai pesakit luar.
5.	SM Agama Nibong Tebal, Pulau Pinang	629	11	Masih menunggu keputusan	Empat kes diberi rawatan antiviral dan selebihnya diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.

6.	Tadika Real Kids, Subang Jaya, Selangor	145	4	2 sampel positif	Kesemua kes diberi rawatan antiviral. Dua kes dimasukkan ke wad dan satu telah discaj. Selebihnya diberi rawatan sebagai pesakit luar.
----	--	-----	---	------------------	---